

PM: Kerajaan sedar ahli Pas dilatih tentera asing

15 AUG 2001

Oleh ZULKIFLI JALIL

KUALA LUMPUR 4 Ogos — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan menyedari penglibatan ahli Pas dalam latihan ketenteraan dengan pihak asing termasuk puak Taleban di Afghanistan.

Katanya, pada peringkat awal kerajaan tidak mengambil tindakan kerana tidak menaruh sebarang syak.

Bagaimanapun, tegas Perdana Menteri, sehinggalah apabila mereka kembali ke tanah air dan mencecutkan keganasan termasuk terbabit dalam kes pembunuhan, rompakan bank serta letupan bom, maka kerajaan terpaksa bertindak sehinggalah tangkapan yang dibuat semalam.

Justeru, tegas Perdana Menteri, penangkapan lapan ahli militan yang menganggotai apa yang dikenali sebagai Kumpulan Mujahidin Malaysia (KMM) termasuk beberapa ahli Pas mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) itu wajar demi menjamin keselamatan negara.

“Kita tahu ada ahli Pas yang memikul senjata ketika berlatih dengan puak Taleban dan sekarang kembali ke tanah air.

“Kita tidak ada apa-apa (menge-syaki mereka) tetapi apabila didapati mereka nak mencetuskan keganasan, maka ia tidak boleh dibenarkan dan sebab itu mereka ditangkap,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Perhimpunan Agung Tahunan MCA ke-48 di Wisma MCA di sini hari ini.

Beliau mengulas penangkapan lapan lelaki termasuk dua pemimpin Pemuda Pas di bawah ISA kerana disyaki terlibat dalam kegiatan KMM yang mengancam keselamatan negara.

Dua pemimpin Pas itu ialah Ketua Pemuda Pas Larut, Perak, Ahmad Tajuddin Abu Bakar, 35, ditahan di Kampung Baru, Bukit Bertam, Selama, Perak manakala Ketua Pemuda Pas Sungai Benut, Pontian, Johor, Noorashid Sakip, 32, ditahan di Simpang Renggam, Kluang.

Dalam sidang akhbar semalam, Ketua Polis Negara, Tan Sri Norian

Mai berkata, kelapan-lapan mereka yang berumur antara 32 hingga 45 tahun itu pernah berjuang dan menerima latihan ketenteraan di Afghanistan mengikut tempoh tertentu.

Penangkapan mereka, kata Norian, adalah susulan kepada tangkapan sembilan lelaki yang terlibat dalam aktiviti penganasan dan dipercayai melakukan rompakan di Southern Bank Berhad (SBB), Petaling Jaya, 18 Mei lalu.

Mengulas lanjut, Dr. Mahathir berkata, kerajaan tahu memang ada pengaruh Pas di kalangan mereka yang ditangkap tetapi dalam Pas juga ada pihak yang mahu melakukan sesuatu gerakan mengikut proses demokrasi dan undang-undang negara.

“(Pada masa yang sama) Ada ahli-ahli (Pas) yang ekstrem menganggap (perjalanan) demokrasi agak lambat dan senang dengan cara-cara ganas untuk menggulingkan kerajaan, melakukan pembunuhan dan sebagainya,” katanya.

Dalam pada itu, mengulas cadangan Suruhanjaya Hak Asasi Ma-

nusia Malaysia (Suhakam), supaya peraturan dan undang-undang berhubung perhimpunan awam dipinda bagi mengurangkan sekatan, Dr. Mahathir berkata, Suhakam telah menetapkan standard untuk diri mereka sendiri tanpa berminat terhadap keselamatan negara.

“Suhakam cuma mewakili sebilangan orang dalam masyarakat sedangkan majoriti rakyat mahu-kan keamanan,” katanya.

Tegas Perdana Menteri, kerajaan merasakan Malaysia lebih bebas berbanding negara-negara lain termasuk negara membangun.

“Kita juga bebas sebab itulah apabila ada ahli Pas menjerit-jerit di Parlimen, kita tak ambil tindakan sedangkan di negara lain, ada yang ditangkap (kerana perbuatan serupa),” katanya.

Cadangan Suhakam itu terkandung dalam laporan setebal 32 muka bertajuk *Freedom of Assembly* (Kebebasan Berhimpun) supaya Akta Polis dipinda dan Akta Ketenteraman Awam (Pemeliharaan) 1958 dikaji semula sebagai langkah jangka panjang.